



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	22/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPNP			

Sasar tanam 20,000 pokok antaranya balau, meranti

# 12,296 pokok hutan ganti musang king

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

**RAUB** - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah menanam sebanyak 12,296 pokok hutan di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam di sini setakat ini bagi menggantikan pokok-pokok durian musang king yang telah ditebang.

Penolong Pengarah Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat, JPNP, Wan Ghazali Wan Ali berkata, aktiviti penanaman pokok hutan berjalan lancar dengan sasaran 20,000 pokok ditanam di kawasan seluas 101 hektar itu.

"Kita hanya cuti sehari untuk menyambut Aidiladha dan kerja menanam akan disambung semula hari ini (semalam) memabitkan antara 60 hingga 75 kakitangan JPNP dari beberapa Pejabat Hutan Daerah.

"Program menanam pokok hutan terdiri daripada jenis merawan, meranti, balau, keruing dan beberapa spesies lain akan dilakukan hingga selesai di kawasan seluas 101 hektar itu," katanya di sini semalam.

Baru-baru ini, JPNP selesai melaksanakan Operasi Pamah dengan menebang kira-kira 15,000 pokok durian musang king yang ditanam di kawasan hutan simpan yang merupakan kawasan tadahan air berkenaan.

Dalam pada itu, Wan Ghazali berkata, pihaknya turut menanam sebanyak 610 pokok nadir termasuklah tampoi dan sentul di kawasan berkenaan dalam usaha menjadikan kawasan hutan



Kosmo, 22 Jul  
2021\_12

SEORANG pekerja menanam pokok hutan di kawasan HSK Batu Talam di Raub semalam.

terbabit sebagai hutan semula jadi yang mempunyai pelbagai spesies pokok.

Katanya, setakat ini sebanyak 200 pokok sentul dan 410 pokok tampoi berusia enam bulan hingga setahun sudah ditanam secara berselerak di kawasan Hutan Simpan Kekal Batu Talam yang

mempunyai bentuk muka bumi berbukit.

"Saya yakin dua spesies pokok nadir berkenaan mampu hidup subur di kawasan hutan simpan terbabit yang persekitarannya agak sejuk dan berangin serta mempunyai tanah subur," ujarnya.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)

